




Pelaksanaan FPP Rembau Multidisciplinary e-Colloquium 2020 ini dianjurkan oleh Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau. Mini kolokium peringkat kebangsaan ini diadakan dengan tujuan bagi menggalakkan semua warga Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Kampus Rembau untuk berkongsi hasil kajian dan penyelidikan masing-masing.

Program ini juga merupakan salah satu inisiatif dari Unit Ekonomi, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan UiTM Kampus Rembau bagi meneruskan budaya perkongsian ilmu di kalangan pensyarah menerusi norma baharu. Selain daripada itu melalui program ini, silaturrahim sesama warga akademik dapat diertatkan walaupun semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Panggilan kertas kerja bagi kolokium tersebut telah bermula pada awal bulan Oktober 2020. Pihak sekretariat telah menerima sebanyak 12 kertas kerja sebagai penyertaan untuk diterbitkan dalam prosiding siri pertama FRaMe-C 2020. Sebanyak 2 kertas kerja yang diterima adalah dari bidang Ekonomi, 5 dari bidang Kewangan, dan 3 dari bidang Pengurusan dan Perniagaan. Sementara itu, terdapat dua kertas kerja dari hasil projek inovasi dan kreativiti pelajar juga telah diterima dalam prosiding. Sesi pembentangan kertas kerja yang telah disertai oleh sembilan orang peserta telah diadakan secara atas talian melalui platform Google Meet.

Program ini diadakan pada 6 November 2020 di mana seramai 9 orang peserta telah

membentangkan kertas kajian masing-masing. Program tersebut yang telah bermula pada jam 9.00 pagi telah diserikan dengan ucap-tama kata-kata aluan dan perasmian oleh Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri & Masyarakat serta Alumni (PJIM & A) – Dr Noorlis Ahmad. Melalui ucapan beliau, Dr Noorlis telah merakamkan penghargaan atas inisiatif Fakulti Pengurusan dan Perniagaan dalam merangka program sedemikian bagi menyemarakkan budaya penulisan di kalangan warga fakulti dan kampus secara amnya. Moderator bagi sesi pembentangan kolokium adalah Puan Nor ‘Azurah Md. Kamdari.



Senarai para pembentang pada kolokium tersebut adalah seperti berikut: -





1. Muhammad Hafiz Ali - Financial Performance And Financial Risk: Evidence From Malaysian Agriculture Industry
2. Mohd. Azlan Abd Majid - Economics Disaster Theorem: Evidence From ASEAN Countries
3. Shahrul Amri Ab Wahab - Organizational Politics In Retrospect: The Inception & Early Development In Academic Discourse
4. Dr. Faridah Pardi - ICT Diffusion And Sustainable Development Path In ASEAN Countries
5. Sutina Junos - Elements Of Effective Macroprudential Policy In Malaysia
6. Noor Azila Zaid - Childhood Consumer Experience And The Financial Literacy Of University Students: A Case Study In UiTM Rembau

7. Hj Mustafa Kamal Mat - Islamic Wealth Management: The Muslim Society Perception Towards Wassiyah (Will) Writing In Malaysia
8. Dr Siti Sara Ibrahim - Establishment Of Quality Education In SDGs For Sustainability Through Digital Learning And Smart Tools Usage; Aftermath Covid-19 Pandemic
9. Noor Azillah Mohamad Ali - COVID-19: The Spurs E-Wallet In Malaysia

Sepanjang sesi pembentangan, pelbagai soalan daripada para peserta telah diajukan kepada setiap pembentang. Sesi soal jawab banyak menyentuh isu-isu ekonomi, pendidikan kewangan, isu pendidikan serta pelbagai isu-isu lain terutama yang berkaitan dengan keadaan semasa dunia yang sedang dilanda pandemic Covid-19.

Sesi kolokium pada hari tersebut telah berakhir pada kira-kira jam 1.00 tengah hari. Secara keseluruhannya, program kolokium kebangsaan FRaME-C 2020 ini dilihat telah berjaya mencapai obkektif utamanya. Pelbagai pendapat telah dapat dikongsikan menerusi sesi tersebut bersama-sama para peserta dan pendengar; yang berjumlah melebihi 100 orang secara keseluruhan. Program ini juga dilihat berpotensi sebagai pemangkin bagi menyemarakkan lagi budaya penulisan dan penerbitan di kalangan warga kampus dan UiTM secara amnya, serta warga fakulti secara khususnya.

Pihak penganjur berhasrat agar program berbentuk kolokium atau persidangan akademik seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang, yang mana akan melibatkan penglibatan lebih ramai peserta dari pihak universiti tempatan mahupun luar negara.



GAMBAR PROGRAM

